

# Almarhum Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari

Pada bulan yang lalu (Hari Jumaat 23 Rabiulawal 1376 – 27 Oktober 1956), al-Fadhil Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Azhari, ulama dan ahli falak yang masyhur, telah kembali ke rahmat Allah di Kuala Kangsar, Perak Darul Riduan.

Almarhum Sheikh Tahir telah kembali ke rahmat Allah tetapi cita-cita Islam dan aliran “*al-minār*” yang telah dikembangkan semenjak lima puluh tahun yang lalu di dalam majalahnya “al-Imam” Singapura, (majalah melayu yang pertama-pertama diterbitkan di Semenanjung) – bersama-sama sahabat karib dan rakan sejawatnya Almarhum al-Syed Sheikh al-Hadi – telah tumbuh dan sedang subur di Tanah Melayu hari ini.

Mudah-mudahan Allah cucuri rahmat dan dihimpunkan keduanya di dalam syurga Jannah al-na‘īm.

“Baharu-baharu ini ada kejadian yang lebih aneh daripada Isa tidak berbapa, iaitu menurut surat khabar mingguan “King Poh” 20 Mac dan 1 April 1956, bahawa seorang kanak-kanak kecil berumur 3 bulan telah mengandung anak yang sudah berkaki dan bertangan. Kanak-kanak itu anak bagi seorang drebar lori bernama Sanusi, kaum Kidul, Cianjur. Anak itu telah dibelah di rumah sakit Litbina, Bunut, sukabumi oleh Dr Raj. G.R.Held. dalam mingguan King Poh, 1 April yang tersebut itu ada dimuatkan gambarnya.

“Kalau anak umur tiga bulan boleh mengandung maka di manakah adanya keanehan Isa diperanakan tidak berbapa oleh seorang gadis? Janganlah manusia hendak melawan satu-satu mukjizat dari Allah dengan fikirannya” sekian kenyataan Tuan Hasan.

Sindiran-sindiran yang didatangkan bahawa “Pembela Islam” itu yang mengatakan: bahawa Nabi Allah Isa itu bapanya “Yusuf al-Najār” seperti yang disebut oleh Tuan

Syed Alwi al-Haddad itu nyata dan terang kurang pemeriksaan dan kurang perhatian dan kerana itu lalu mendatangkan tuduhan-tuduhan buat ke atas orang lain. Sebabnya lain tidak diketahui oleh umum bahawa pada masa Tuan Syed Alwi al-Haddad di Jawa dahulu, dan harus hingga sekarang menjadi salah seorang daripada orang-orang yang membantah pengertian berpegang pada Quran, hadis dan ijmak sahabat sahaja seperti yang dianjurkan oleh ahli persatuan Islam yang mempunyai suara atau lidahnya dalam majalah “Pembela Islam” dan “al-Lisan” dan banyak mengeluarkan risalah-risalah yang tidak sepengertian dengan Tuan Syed Alwi al-Haddad, khususnya pula sememangnya telah terbit pertentangan-pertentangan di antara kaum Alawiyyin dan Irsyadian dan kerana itulah sebagai salah seorang pahlawan Alawiyyin Syed Alwi al-Haddad sampai sekarang tidak berpuas hati atau tidak senang kepada mereka, dan kerana itulah seringkali kita dapati apabila beliau menyatakan sesuatu yang berkenaan dengan Qadyani tidaklah sunyi, sebelum menghadapi Qadyani

itu, membabit dan menuduh bahawa orang-orang yang telah berjasa seperti persatuan Islam kumpulan “Orang yang memaki dan menyeranah imam-imam Hanafi, Shafie, Maliki dan Hanbali.” Dan melaknat mereka dengan disokong oleh karangan-karangan dan risalah-risalah puak Qadyani yang disiarkan dalam bahasa Jawi dan Melayu. Memburukkan imam-imam yang empat itu sudah terang untuk menanamkan perasaan benci orang ramai kepada mazhab-mazhab ahli al-sunnah wal jamaah. Supaya mudah melihat orang ramai masuk ke dalam perangkap puak Qadyani. Warta Jabatan Agama Johor bilangan 79.

Adakah munasabah pada akal bagi orang yang membaca risalah Mirzā'iyah, mereka yang berpengertian dan bermazhab ahli al-sunnah wal jamaah seperti persatuan Islam itu yang nampaknya disindir oleh Tuan Syed Alwi al- Haddad sebagai bersahabat dengan Qadyani?, menjadi salah satu dari penyokong-penyokong Qadyani? Tidak munasabah langsung. Jika umat Islam menatap dan membaca risalah Mirzaiyyah, mengertilah bahawa masa itu tidak ada satu badan di Indonesia yang begitu tegas mempertahankan pendirian Islam daripada rempuhan Qadyani seperti yang dilakukan oleh persatuan Islam dan yang menjadi pahlawannya ialah Tuan Hasan bin Ahmad yang terkenal dengan Tuan Hasan Bandung yang pernah diakui oleh Tuan Hamka sebagai orang yang dipandang berjasa oleh 70 million umat Indonesia dalam menentang Qadyani.

Apabila Qadyani berkembang di Singapura pada masa sebelum perang dahulu, sebelum terbit perbincangan di antara Qadyani dengan Tuan Syed Ahmad Dahlan di sini, maka saya telah menulis surat kepada Almarhum Sheikh Jamil Jambī dan beberapa orang lagi bertanya: Di manakah saya boleh dapat risalah dan keterangan-keterangan berkenaan dengan masalah Qadyani. Jawapan daripada mereka menyatakan bahawa jika saya mahu berpuas hati dalam perkara

ini berutuslah dengan Tuan Hasan, yang pada masa itu di Bandung. Ini berlaku pada tahun 1937 atau 1938.

Apabila Tuan Hasan menerima surat saya maka beliau menawarkan dirinya datang ke Singapura untuk berbahas berhadapan-berhadapan dengan orang-orang Qadyani dan begitulah juga dalam suratnya baharu-baharu ini apabila mendengar ada cabaran Qadyani untuk berbahas beliau memperingatkan supaya berhati-hati dan dengan hati yang terbuka bersedia datang untuk bersama-sama menghadapi dajal itu supaya jangan nanti dalam perbincangan itu kita tidak mendapat kemenangan.

Apakah pembaca-pembaca fikir sifat orang yang begitu yang menjadi pengaruh atau penerbit pembela Islam sesuai dengan tuduhan Syed Alwi al- Haddad orang-orang yang menyebelahi Qadyani yang dikatakan oleh beliau dalam risalahnya pada masa yang lampau “bahawa Nabi Allah Isa berbapa?” Apakah Tuan Hasan seorang pembahas, (orang yang kritik) tidak dibenarkan membahas satu-satu perkara dan menyebelah pengertian yang berlawanan dengan pengertiannya (dalam munazarah). Iaitu sebagai seorang yang sepengertian dengan Qadyani? Saya rasa, ini tidak lain semata-mata untuk melancarkan lagi pengertian dan keyakinan seseorang tetap meyakinkan keyakinannya di dalam satu-satu perkara.

Kalau yang demikian itu dipandang sebagai keyakinannya saya sangat mendukacitakan kerana Tuan Syed Alwi bin Thohir al- Haddad berdiri diatas satu perkara yang tidak cukup mengadakan penyiasatan di dalamnya dan tidak menghalusi kata-kata – hanya meyakinkan dengan pendengaran-pendengaran yang tidak berasas jua.

Mudah-mudahan hal ini menjadi peringatan kepada beliau supaya pada masa-masa yang akan datang janganlah membahas satu-satu perkara keluar daripada mawadhuknya - menuduh ke sana ke sini – sekarang yang dikehendaki tidak lain ialah mencari keterangan-keterangan yang nyata bukan mencari tuduhan-ruduhan yang tidak berasas. \*\*\*